

**MAJLIS AMANAT KONTINJEN MALAYSIA KE WORLD SKILLS  
COMPETITION (WSC) KAZAN 2019**

**OLEH**

**YB TUAN HAJI MOHD ANUAR BIN MOHD TAHIR  
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

**18 OGOS 2019 (JUMAAT)  
RHR HOTEL, UNITEN**

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis.

SALUTASI (akan dikemukakan semasa majlis)

YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, para Pakar, Jurulatih, peserta Negara merangkap Kontinjen Malaysia ke Worlds Skills Competition Kazan 2019, dan seterusnya sidang hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Sayangi Malaysiaku.

1. Alhamdulillah, segala puji-pujian dan rasa syukur dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia-Nya kita semua dapat berhimpun di Majlis Amanat Kontinjen Malaysia Ke Worlds Skills Competition (WSC), Kazan 2019 ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) di atas penganjuran Solat Hajat dan Majlis Amanat Kontinjen Malaysia Ke Worlds Skills Competition (WSC), Kazan 2019 pada petang ini.
3. Ucapan terima kasih juga dipanjangkan kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Akademi Binaan Malaysia serta semua agensi, institusi dan Pusat Kecemerlangan (COE) khususnya di bawah bidang sektor pembinaan yang terlibat iaitu PERHEBAT Sungai Buloh, KNX Skills Development, ILP Kuala Terengganu, Wisdec Banting, UNIKL MFI Bangi, TWI-ABM Sdn. Bhd., ABM Wilayah Sarawak dan ABM Wilayah Tengah, serta pihak penaja yang telah bersama-sama berganding bahu membuat persediaan dan persiapan Kontinjen Malaysia ke pertandingan Worlds Skills Competition (WSC) yang akan diadakan di Kazan, dari 22 hingga 27 Ogos 2019. Seramai 19 orang peserta Negara akan mewakili Malaysia dalam 19 bidang kemahiran daripada 56 bidang kemahiran yang dipertandingkan. Daripada 19 bidang yang disertai, KKR mengurus setia 8 bidang kemahiran sektor pembinaan

manakala 11 bidang lagi di bawah seliaan JPK, KSM. Kontinjen kali ini juga disertai oleh lima (5) peserta junior skills yang akan bertanding dalam bidang electrical installations, drone technology dan mobile robotics.

4. Pengajuran pertandingan seperti ini adalah sebahagian daripada inisiatif dan iltizam Kerajaan untuk mencungkil bakat, kreativiti dan daya inovatif serta keazaman mencetus nilai tambah di kalangan pelatih-pelatih di pusat latihan industri dan kemahiran di seluruh negara. Usaha sebegini diharap dapat melahirkan kumpulan tenaga kerja mahir ke arah memacu industri berdasarkan kemahiran, setanding dan setaraf dengan pencapaian di negara-negara maju.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

#### Senario Negara

5. Seperti yang kita sedia maklum, Bank Dunia telah meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-15 daripada 189 negara dalam "Ease of Doing Business 2019 Report" berbanding tempat ke-24 pada tahun 2018. Selain itu, menurut "World Competitiveness Yearbook 2019", Malaysia kekal sebagai negara ke-22, negara paling berdaya saing dari 63 negara yang dinilai. Ranking ini menunjukkan Malaysia mengatasi negara-negara seperti Belgium (27), Korea Selatan (28) dan Jepun (30). Pengiktirafan di peringkat global ini adalah bukti jelas bahawa Kerajaan telah merencanakan agenda pembangunan negara dengan perancangan yang begitu rapi, efisyen dan efektif.

6. Sepanjang Rancangan Malaysia ke-11, sebanyak 1.5 juta pekerjaan baharu akan diwujudkan di mana lebih 60 peratus daripadanya memerlukan kelayakan berkaitan Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Usaha ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia ke-12 memandangkan TVET akan menjadi platform penting bagi meningkatkan jumlah tenaga kerja mahir dalam hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju pasca 2020.

7. Teras bagi mana-mana ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif terletak pada tenaga kerja yang kompetitif, kreatif dan inovatif. Penganjuran pertandingan kemahiran kebangsaan dan penyertaan Malaysia diperingkat rantau dan antarabangsa adalah selaras dengan usaha kerajaan ke arah melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi dan bertaraf world class. Usaha ini bukan sahaja penting, malah merupakan prasyarat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang pasca 2020.

#### Latarbelakang Pertandingan Kemahiran Malaysia

8. Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) atau dikenali sebagai WorldSkills Malaysia Belia (WSMB), dahulunya adalah Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia (PJKM) yang merupakan cetusan idea dari mantan Perdana Menteri Malaysia ketika itu, YAB Tun Dr Mahathir Mohamad bagi mencungkil bakat belia-belia berkemahiran. PJKM yang pertama telah dianjurkan oleh Kementerian Kerja Raya pada tahun 1990 dengan tumpuan diberikan kepada sebelas bidang kemahiran ketukangan dalam sektor pembinaan. Kini, WSMB telah berkembang selaras dengan kehendak industri dan pertandingan peringkat antarabangsa.

9. Kemahiran peserta tidak akan meningkat tinggi seandainya tenaga pengajarnya tidak dilatih dan diuji. Oleh itu, Pertandingan MySkills atau kini dikenali Worldskills Malaysia Pengajar (WSMP) yang khusus kepada pengajar juga telah diperkenalkan mulai 2007 ke arah melahirkan tenaga pengajar yang berkualiti dan kompeten, supaya mampu melatih peserta ke tahap yang lebih cemerlang. Penambahbaikan yang dibuat sepanjang 28 tahun penganjuran PKM ini telah membolehkan negara melahirkan tenaga kerja mahir dalam pelbagai bidang yang diperlukan oleh industri.

10. Di peringkat nasional, WSMB ini adalah merupakan acara tahunan yang dianjurkan bersama oleh KKR dan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia sejak 2010. Jalinan kerjasama yang wujud antara KKR dan KSM dalam menganjurkan pertandingan kemahiran ini adalah selaras dengan jalinan kerjasama strategik yang diperkenalkan oleh Kerajaan. Melalui kerjasama ini, KKR dan KSM tidak lagi menggunakan pendekatan silo dalam merancang dan melaksanakan program-program kemahiran. Malah

pendekatan horizontal digunakan bagi mengoptimalkan penggunaan sumber-sumber yang ada dengan cekap dan berkesan bagi mendapatkan outcome yang diharapkan.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

ASEAN Skills Competition (ASC) 2018, World Skills Asia (WSA) dan World Skills Competition (WSC) 2019

11. Salah satu matlamat utama penganjuran Pertandingan Kemahiran ini adalah untuk untuk menggilap dan mencungkil bakat kemahiran belia untuk pertandingan kemahiran peringkat antarabangsa khususnya Pertandingan Kemahiran ASEAN (ASEAN Skills Competition – ASC), World Skills Asia (WSA) dan Pertandingan Kemahiran Sedunia (World Skills Competition – WSC). ASC ialah pertandingan kemahiran di kalangan negara-negara ASEAN yang bertanding dalam pelbagai bidang kemahiran vokasional untuk diiktiraf sebagai yang terbaik dan unggul di rantau ini.

12. Pencapaian Negara dalam ASC adalah membanggakan di mana pada ASC Bangkok 2018 yang lalu, Malaysia telah berjaya meraih empat (4) pingat emas, satu (1) pingat perak, empat (4) pingat gangsa dan 20 medallion for excellent

13. Malaysia turut menyertai pertandingan World Skills Asia (WSA) Abu Dhabi 2018. Bagi bidang KKR, 12 peserta telah menyertai WSA ini, dimana peserta telah membawa pulang tiga (3) pingat emas, tiga (3) pingat perak dan lima (5) medallion for excellent.

14. World Skills Competition (WSC) merupakan pertandingan yang dianjurkan setiap dua (2) tahun sekali melibatkan penyertaan lebih daripada 60 negara anggota World Skills International (WSI). Penyertaan Malaysia dalam pertandingan ini bertujuan menonjolkan bakat dan kemahiran belia negara serta membuktikan kepada dunia bahawa Malaysia juga mempunyai tahap kemahiran dan teknologi seiring dengan negara maju. Malaysia telah menjadi ahli WSI sejak 1992 dan mula menyertai WSC pada tahun 1993. Sehingga kini, Malaysia telah menyertai 13 WSC dan pencapaian terbaik negara adalah di WSC Abu

Dhabi, Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada tahun 2017. Malaysia telah berjaya membawa pulang dua (2) pingat gangsa dalam bidang teknologi automobil dan masakan.

15. Bagi meneruskan kecemerlangan Malaysia di WSC Kazan, Road to World Skills Competition (WSC) Kazan 2019 Gold telah dilancarkan pada bulan April yang lalu bagi merancang strategi untuk membawa pulang pingat emas dari WSC nanti. Seramai 19 orang belia telah dipilih mewakili negara ke WSC 2019 yang terdiri daripada pelajar-pelajar Institusi Latihan Kemahiran Awam dan Swasta (ILKA/ILKS) serta Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS). Pemilihan ini adalah berdasarkan pencapaian mereka di Pertandingan ASEAN Skills Competition (ASC) Bangkok 2018 dan Pertandingan Worldskills Malaysia Belia 2018 (WSMB 2018).

16. Sejajar dengan itu, pelbagai inisiatif telah mula dilaksanakan bagi memastikan peserta negara lebih berkeupayaan dan berpeluang meraih pingat di WSC 2019. Inisiatif yang dilakukan termasuklah merancang dan memantau sesi latihan serta membuat penilaian ke atas peserta untuk memastikan konsistensi latihan peserta agar mencapai tahap yang ditetapkan, penganjuran program motivasi dan mewujudkan Pusat Kecemerlangan atau Centre of Excellence (CoE) untuk latihan persediaan peserta. Peserta juga menjalani latihan intensif sama ada di industri atau institusi latihan. Selain itu, pertandingan persahabatan dengan peserta-peserta negara lain bagi meningkatkan keyakinan diri peserta juga telah diadakan, antaranya Guangzhou Invitation Skills Competition, Global Skills Challenge 2019 Melbourne dan BRISC 2019 Chongqing, China.

17. Semoga dengan adanya perancangan yang teliti, strategi yang sesuai serta usaha gigih dari semua pihak, hasrat kita untuk memenangi pingat emas pertama negara di WSC akan tercapai.

18. Adalah penting untuk kita meneruskan penyertaan di pertandingan serantau dan antarabangsa, ke arah mencapai tahap kemahiran bertaraf dunia. Penglibatan kita di pertandingan peringkat antarabangsa ini dapat mendedahkan peserta dan pegawai kita kepada teknologi serta teknik kerja dan latihan terkini. Penyertaan para pegawai, jurulatih

dan pakar dalam pertandingan seumpama ini juga dapat mewujudkan rangkaian komunikasi dua hala dan pelbagai hala yang dapat dimanfaatkan oleh negara di masa akan datang.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

#### Jalinan Kerjasama Strategik Dengan Syarikat Swasta

19. Kejayaan pelaksanaan sesuatu program memerlukan komitmen dari semua pihak. Beban ini tidak seharusnya dipikul oleh Kerajaan dan institusi latihan semata-mata, malah memerlukan sokongan dan penglibatan syarikat swasta untuk memastikan kejayaannya. Hubungan dan sokongan berterusan oleh pihak swasta dan industri khususnya dalam pembangunan latihan kemahiran, perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa agar faedahnya dapat dinikmati bersama.

20. Penglibatan syarikat secara aktif di dalam program latihan sangat penting untuk membantu peserta negara berada pada tahap kompetensi yang maksimum. Di negara Jepun, latihan dijalankan di syarikat seperti

Matsushita dan Toyota, di negara Korea Selatan, syarikat Samsung dan Hyundai sangat aktif dalam menyediakan peserta mereka, manakala di Malaysia, antaranya syarikat KNX Skills Development Centre Sdn. Bhd, dalam bidang electrical installations.

21. Dalam hal ini, saya mengalu-alukan lebih banyak penglibatan syarikat-syarikat swasta dalam memberi sumbangan peralatan dan khidmat nasihat kepada kementerian dan institusi-institusi latihan untuk menambahbaik pertandingan ini selaras dengan keperluan industri. Kerjasama yang wujud antara kementerian dan syarikat-syarikat ini bukan sahaja memberi manfaat kepada Kerajaan dan peserta negara, malah mewujudkan win-win situation kepada kedua-dua pihak pada masa akan datang. Saya amat berharap supaya lebih banyak lagi kolaborasi dalam bentuk latihan dan kemahiran dapat diwujudkan antara syarikat swasta dan Kerajaan bagi melahirkan generasi belia yang berkemahiran dan kompeten.

22. Di samping itu, pengaruh liberalisasi juga akan mendorong kita untuk terus berusaha memperkasa dan meningkatkan kapasiti kemahiran belia negara. Penerimaan majikan atau industri terhadap pelatih-pelatih institusi latihan boleh dijadikan kayu pengukur sama ada sesuatu latihan yang dianjurkan menepati dan memenuhi permintaan dan keperluan sebenar di luar sana. Sekiranya pelatih-pelatih ini mampu memenuhi kehendak pasaran, saya yakin penggantungan kepada tenaga kerja asing akan dapat ditangani dan seterusnya menjana peluang pekerjaan kepada tenaga kerja tempatan. Seiring dengan ini, besarlah harapan saya sekiranya majikan-majikan awam dan swasta menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada pemenang-pemenang WSMB, ASC dan WSC di masa akan datang. Pemenang-pemenang ini bukan sahaja mahir, malah mereka adalah yang terbaik dalam sesuatu bidang dan adalah suatu kerugian kepada industri sekiranya kemahiran yang dimiliki tidak dimanfaatkan sepenuhnya demi kebaikan industri.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

#### Anggaran Keperluan Tenaga Kerja

23. McKinsey Global Institute dalam satu kajiannya telah menyatakan dunia memerlukan tenaga kerja seramai 3.5 bilion menjelang 2030. Kajian tersebut juga menyatakan potensi kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi (high skilled workers) di peringkat global adalah dianggarkan berjumlah 28-40 juta orang menjelang 2020. Anggaran kekurangan ini adalah berdasarkan kepada tahap pendidikan kemahiran yang disediakan berbanding dengan permintaan terhadap tenaga kerja mahir.

24. Dalam menuju status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020, Malaysia memerlukan pekerja berkemahiran tinggi sebagai pemangkin kepada usaha-usaha transformasi. Pelaksanaan program transformasi ekonomi negara diunjurkan bagi mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan baru pada tahun 2020. Ke arah merealisasikan hasrat ini, Malaysia perlu menghasilkan 50 peratus tenaga mahir menjelang 2020 bagi menggerak dan membangunkan ekonomi Malaysia yang mampan. Jelas sekali, keperluan tenaga mahir negara kini berada di landasan yang betul dan saya menyeru agar usaha-

usaha bersepadau antara semua kementerian, agensi kerajaan dan institusi latihan awam dan swasta perlu dipergiatkan bagi membolehkan hasrat murni ini dicapai seperti yang dirancangkan.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

#### Cadangan Penambahbaikan

25. Kementerian Kerja Raya melalui CIDB akan terus membangunkan kapasiti dan keupayaan para belia tempatan dalam bidang kemahiran pembinaan untuk memenuhi keperluan industri pembinaan negara. Justeru itu, di bawah RMK-12, latihan kemahiran akan disesuaikan dengan perubahan teknologi agar sumber tenaga manusia dapat memenuhi keperluan industri menghadapi cabaran era Revolusi Industri 4.0. Selain itu, dalam usaha mengurangkan beban kewangan kerajaan dalam penyediaan latihan kemahiran, jalinan kerjasama strategik dengan penglibatan pihak swasta dan industri akan diberi penekanan kerana hal ini turut memberi manfaat kepada kedua-dua pihak, industri dan peserta. KKR bersama JPK, KSM sedang mengusahakan pewujudan Akaun Amanah Pertandingan Kemahiran Malaysia untuk membolehkan semua sumbangan untuk pertandingan kemahiran disalurkan ke akaun amanah ini. Selain itu, Kementerian juga akan mengenal pasti dan mengadakan jalinan kerjasama strategik dengan institusi-institusi latihan kemahiran di peringkat antarabangsa sebagai platform latihan kepada para peserta dan jurulatih negara.

#### Penutup

26. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), agensi-agensi kerajaan dan penaja-penaja yang telah memberi kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam menjayakan pertandingan pada kali ini. Sesungguhnya kerjasama yang diberikan ini dapat diterus dan dipertingkatkan demi kemajuan bidang kemahiran negara.

27. Harapan Kementerian agar para peserta negara akan berjuang dengan penuh kesungguhan dan pulang ke tanah air membawa pingat emas pertama negara, yang akan menjadi cenderahati yang penuh bermakna dalam sambutan bulan kemerdekaan tahun ini. Kejayaan saudara-saudari sekalian adalah penting dalam memartabatkan latihan kemahiran dan mengubah persepsi masyarakat di negara ini.
28. Akhir kata, dengan lafaz Bismillah-ir Rahman-ir Rahim, saya ucapkan “Selamat Maju Jaya Kepada Peserta Malaysia ke World Skills Competition Kazan”.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.